

**PROSES KERJA PENGURUSAN ADUAN KEBOCORAN
ANTARA TINGKAT DAN KEROSAKAN PADA DINDING
DUA PIHAK BAGI PEMBELI / PEMUNYA / PEMILIK PETAK**
(*PUNCA KEBOCORAN DISEBABKAN OLEH HARTA
BERSAMA / HARTA BERSAMA TERHAD*)*

BIL	TANGGUNGJAWAB	TANGGUNGJAWAB	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
1.	Pembeli / Pemunya / Pemilik petak mengeluarkan notis bertulis kepada JMB / MC / Ejen Pengurusan.	Pembeli / Pemunya / Pemilik petak	Bahagian XV PPPS 2015 Peraturan 56
2.	Dalam masa tujuh (7) hari JMB / MC / Ejen Pengurusan perlu melakukan pemeriksaan ke atas aduan yang diterima	JMB / MC / Ejen Pengurusan	Bahagian XV PPPS 2015 Peraturan 57
3.	Dalam masa (lima) 5 hari selepas pemeriksaan, JMB / MC / Ejen Pengurusan perlu keluarkan perakuan pemeriksa, dan nyatakan sebab kerosakan dan pihak yang bertanggungjawab membaiki kerosakan	JMB / MC / Ejen Pengurusan	PPPS 2015 Borang 28
4.	Jika pihak yang bertanggungjawab bersetuju dengan keputusan pemeriksaan, kerja pembaikan perlu dilakukan.	Pihak bertanggungjawab membaiki kerosakan	
5.	Jika pihak yang bertanggungjawab tidak bersetuju dengan keputusan pemeriksaan dan kaedah pembaikan, Pembeli / Pemunya / Pemilik petak boleh membuat aduan kepada Pesuruhjaya Bangunan.	JMB / MC / Ejen Pengurusan / Pihak bertanggungjawab membaiki kerosakan / COB	

6.	COB akan membuat rundingan antara Pembeli / Pemunya / Pemilik petak dan JMB / MC / Ejen Pengurusan.	JMB / MC / Ejen Pengurusan / Pihak bertanggungjawab membaiki kerosakan / COB	
7.	COB boleh melantik Jurutera / Jurukur Bahan / Jurukur Bangunan / Arkitek / Penilai Bangunan Berdaftar dalam penentuan dan kos perlantikan adalah ditanggung oleh pihak yang bertanggungjawab.	JMB / MC / Ejen Pengurusan / Pihak bertanggungjawab membaiki kerosakan	
8.	Jika pihak yang bertanggungjawab bersetuju dengan keputusan pemeriksaan dan laporan daripada profesional, yang berdaftar kerja pembaikan akan dilakukan.	JMB / MC / Ejen Pengurusan / Pihak bertanggungjawab membaiki kerosakan	
9.	Jika pihak yang bertanggungjawab tidak bersetuju dengan keputusan pemeriksaan dan laporan, Pesuruhjaya Bangunan akan mengeluarkan notis pembaikan dan JMB / MC / Ejen Pengurusan adalah dikehendaki membaiki kebocoran dan hendaklah mengenakan caj dan mendapatkan semua kos dan perbelanjaan dari pihak yang bertanggungjawab untuk membaiki kebocoran	COB	
10.	Jika masih ingkar, Pesuruhjaya Bangunan adalah merujuk kepada Tribunal Pengurusan Strata untuk arahan.		